

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** : TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI  
[ DUNGUN ]

**TARIKH** : 19 JUN 2014

**SOALAN** :

Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [ Dungun ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan langkah-langkah jangka pendek dan panjang bagi mencegah dan mengawal kebakaran belukar gambut di daerah Dungun yang merekodkan pada tahap IPU yang sangat tidak sihat dalam bulan April 2014.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) melalui agensi-agensi yang bernaung di bawahnya telah mengambil beberapa langkah bagi mencegah kebakaran tanah gambut di Daerah Dungun, Terengganu daripada berulang.

Tindakan jangka pendek yang telah diambil oleh JAS adalah mengambil tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas di mana JAS sedang melengkapkan siasatan bagi membolehkan tindakan penguatkuasaan diambil atas kesalahan melakukan pembakaran terbuka di bawah Sek. 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Manakala bagi tindakan jangka panjang pula JAS telah melaksanakan tindakan seperti berikut:-

- i) Mengaktifkan Pelan Tindakan Pencegahan Pembakaran Terbuka mulai pada bulan Februari 2014;
- ii) Pemantauan ke atas kawasan-kawasan hutan dan belukar bagi mengelakkan kawasan tersebut dicerobohi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk melakukan pembakaran terbuka; dan
- iii) Melaksanakan Projek Pencegahan Pembakaran Di Tanah Gambut Mudah Terbakar di Daerah Dungun, Terengganu yang melibatkan

pembinaan infrastruktur seperti sekatan saluran (check dam) dan telaga air tanah (tube well) sebagai langkah kawalan bagi mengekalkan paras air di tanah gambut dan sekali gus dapat mengurangkan kejadian kebakaran terbuka.

Sekian, terima kasih.

## MAKLUMAT TAMBAHAN

Ia meliputi aktiviti-aktiviti rondaan darat bagi tujuan pemantauan dan penguatkuasaan terutamanya ke kawasan-kawasan tanah gambut yang telah dikenalpasti mudah terbakar. Tindakan mahkamah bagi kes-kes pembakaran terbuka berskala besar dan bagi kes-kes pembakaran terbuka yang kecil tindakan kompaun akan dikenakan; mempertingkatkan kempen-kempen kesedaran khususnya melalui radio tempatan bagi mengingatkan orang ramai untuk tidak melakukan pembakaran terbuka, penglibatan masyarakat setempat melalui Program Pasukan Pemantau Pencemaran (3P) bagi membantu memantau kes-kes pembakaran terbuka dan memperkemaskan sistem dan saluran komunikasi penerimaan aduan pembakaran terbuka dari orang ramai;

iaitu tindakan penangkapan ke atas mana-mana individu yang dipercayai dengan munasabah telah melakukan kesalahan di bawah peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 untuk membantu penyiasatan. Ia adalah berikutan dengan berkuatkuasanya Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974, (Pindaan) 2012 mulai 2 Januari 2013 yang memberi **kuasa menangkap penjenayah alam sekitar yang disyaki tanpa waran** di bawah peruntukan Seksyen 37C, Akta.

## **MAKLUMAT TAMBAHAN**

### **Statistik kehadiran Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bagi kes kebakaran terbuka di Daerah Dungun, Terengganu.**

Nota : Di Daerah Dungun, terdapat tiga (3) buah Balai Bomba dan Penyelamat iaitu

:-

- i) BBP Paka
- ii) BBP Dungun
- iii) BBP Muktafibilah Shah

Berikut adalah statistik panggilan kebakaran terbuka mengikut tahun :

#### **2014 (Jan – April)**

Bil	Jenis Kebakaran	Balai Bomba dan Penyelamat			JUMLAH
		Paka	Dungun	Muktafibilah Shah	
1	KEBUN/LADANG	2	1	3	6
2	HUTAN	17	13	5	35
3	BELUKAR/LALANG	91	136	32	259
4	SAMPAH	5	0	1	6
JUMLAH		115	150	41	306

#### **2013 (Jan – Disember)**

Bil	Jenis Kebakaran	Balai Bomba dan Penyelamat			JUMLAH
		Paka	Dungun	Muktafibilah Shah	
1	KEBUN/LADANG	0	0	0	0
2	HUTAN	0	5	0	5
3	BELUKAR/LALANG	46	82	9	137
4	SAMPAH	3	4	3	10
JUMLAH		49	91	12	152

#### **2012 (Jan – Disember)**

Bil	Jenis Kebakaran	Balai Bomba dan Penyelamat			JUMLAH
		Paka	Dungun	Muktafibilah Shah	
1	KEBUN/LADANG	0	0	0	0
2	HUTAN	0	8	1	9
3	BELUKAR/LALANG	19	69	1	89
4	SAMPAH	1	3	0	4
JUMLAH		20	80	2	102

Disediakan oleh: Puan Hjhs Kalsom Abd. Ghani

Jawatan : Pengarah Udara

Telefon bimbit : 0193226802

Disemak oleh : Dr Zulkifli Abdul Rahman

Jawatan : Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

Telefon bimbit: 0193827137

Diluluskan oleh: Dato' Halimah Hassan

Jawatan : Ketua Pengarah Alam Sekitar

Telefon bimbit : 0192107900